




SIARAN AKHBAR 05/2025



**35 ORANG DITAHAN DALAM OPERASI TOKEK YANG MENYASARKAN HOTSPOT
PENGEDARAN DADAH**

Bandar Seri Begawan, 20 Julai 2025

Operasi Tokek yang dijalankan oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) bermula 29 Jun hingga 14 Julai 2025 telah menahan **35 orang** tangkapan dalam lingkungan umur 17 hingga 59 tahun kerana disyaki terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dan pengedaran dadah. Operasi ini menahan 25 orang warga tempatan, sembilan (09) Penduduk Tetap dan seorang (01) warga asing di lokasi yang berasingan di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait. Majoriti tangkapan telah ditahan di Jalan Nenas Sanggol, Kampong Katok.

Hasil operasi ini telah merampas empat (04) jenis dadah terkawal iaitu **38.67 gram Syabu, 9.2 gram Ganja, 0.69 gram Ecstasy** dan **0.27 gram Erimin 5**.









Turut dirampas ialah:

- Wang tunai dipercayai hasil dari kegiatan pengedaran dadah berjumlah **BND1,156** dan **SGD2**;
- Sebuah kenderaan dipercayai hasil dari kegiatan pengedaran dadah;
- Peralatan untuk membungkus (*packing*) dadah seperti gunting, paket lutsinar kecil dan alat timbangan digital; dan
- Alat perkakas untuk menyalahgunakan dadah.







Dua (02) orang tangkapan telah ditahan di Pos Kawalan Sungai Tujoh, Daerah Belait kerana didapati menyeludup dadah masuk ke negara ini. Mereka akan disiasat di bawah Seksyen 5, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan membawa masuk dadah terkawal. Manakala, empat (04) orang tangkapan akan disiasat di bawah Seksyen 3A, Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedar.

Kumpulan pengedaran dadah ini didalangi oleh seorang warga tempatan berumur 27 tahun yang mempunyai beberapa orang suruhan untuk membantu menjalankan penyeludupan dan pengedaran dadah, termasuk golongan di bawah umur. Antara yang terlibat dalam rangkaian ini ialah satu keluarga yang mempunyai peranan yang berbeza. Siasatan juga mendapati bahawa sebahagian daripada mereka telah menyalahgunakan elaun bantuan kebajikan bulanan yang diterima sebagai modal dalam kegiatan jual beli dan pengedaran dadah. Kumpulan ini juga diketahui mengutamakan pelanggan dalam kalangan warga asing bagi mengaburi kegiatan mereka.

Operasi ini merupakan usaha berterusan BKN dalam pembasmian kegiatan jenayah di kawasan Jalan Nenas Sanggol yang dikenal pasti sebagai salah satu hotspot penyalahgunaan dan pengedaran dadah serta kegiatan jenayah lainnya. Dengan ini, BKN ingin menegaskan bahawa pihaknya akan sentiasa menjalankan tugas-tugas pembanterasan dadah dan menyasarkan kepada pengedar dadah yang terus menjejaskan kesejahteraan dan keselamatan penduduk setempat.



Biro Kawalan Narkotik

Jabatan Perdana Menteri

Bandar Seri Begawan

Brunei Darussalam

24 Muharram 1447H / 20 Julai 2025M